

UiTM terus mencengkam

Oleh DRAHMAN BAHARUN
drahman@kosmo.com.my

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) terus mengukuhkan kedudukan teratas dari segi pungutan pingat secara keseluruhan pada temasya Sukan Antara Universiti Malaysia (Masum).

Selepas saingan berakhir semalam, UiTM terus menjarakkan diri dengan pesaing terdekatnya, Universiti Malaysia (UM) apabila mengumpul 23 pingat emas, 14 perak dan 26 gangsa.

Acara taekwondo yang berakhir semalam, memberikan kejutan pada UiTM apabila mereka berjaya mengumpul empat pingat emas, 7 perak dan 8 gangsa.

Bagi acara golf, UiTM berjaya menggondol empat pingat emas, satu perak serta tiga gangsa kelmarin.

Pingat emas bagi sukan golf dimiliki universiti bagi acara gross individu lelaki iaitu Muhammad Zaki Nordin, gross individu wanita (Syahmie Mohamad), nett individu lelaki (Mohammad Zaki Nordin) dan nett individu wanita (Syahme Mohamad).

Bagi acara bola baling lelaki, Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (Kuktem) tewas 1-2 kepada Universiti Sains Malaysia (USM),



KEDURUBUKAN PINGAT

	E	P	G
UiTM	23	14	26
UM	16	12	13
UPM	7	5	7
UKM	6	9	5
UTM	6	7	10
UPS	4	2	10
UMS	4	2	2
Kustem	3	1	3
Kuittho	2	4	6
UUM	2	4	4
KUIM	2	2	2
UIAM	0	6	8
USM	0	6	1
Uniten	0	1	3
Unimas	0	1	1
KUTKM	0	0	2
Kuktem	0	0	2
KUKUM	0	0	0

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tewas 0-6 kepada Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (Kuittho), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS) tewas 4-8 kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem)



SKUAD taekwondo UiTM meraikan kejayaan mereka muncul juara keseluruhan acara tersebut.

tewas 1-26 kepada UiTM.

Bagi acara bola baling wanita pula, Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (Kuktem) tewas 1-12 kepada UiTM, Kustem tewas 0-17 kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tewas 1-6

kepada USM dan Universiti Malaysia (UM) tewas 4-5 kepada UKM.

Dalam saingan suku akhir bola keranjang lelaki, UPM menewaskan UIAM 72-56 sementara UM menewaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) 73-33.

Bagi acara bola keranjang wanita,

UIAM tewas 17-86 kepada UM dan UKM tewas 0-10 kepada UM.

UM pencabar terdekat UiTM kini mengumpul 16 pingat emas, 12 perak dan 13 gangsa manakala UPM menduduki tangga ketiga keseluruhan dengan mengumpul tujuh pingat emas, 5 perak dan 7 gangsa.

Tuan rumah juara keseluruhan taekwondo

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) muncul juara keseluruhan bagi acara taekwondo yang dilabuhkan tirainya tadi semalam.

Kutipan 19 pingat dianggap satu kejutan buat tuan rumah yang sebelum itu menasarkankan sepuluh pingat.

Pengurus skuad taekwondo

UiTM, Saidin Osman berkata, kejayaan itu adalah kerja keras kalangan atlet yang terlibat terutama ketika mengikuti latihan pusat sejak 5 mei lalu.

"Bagi pingat emas pula kita menepati sasaran apabila mengutip empat pingat emas, diikuti pingat perak 7 dan gangsa 8," katanya

kepada KOSMO/ semalam.

UiTM menghantar seramai 20 atlet menyertai acara taekwondo pada temasya kali ini.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berada di tempat kedua keseluruhan bagi sukan taekwondo berjaya mengumpul empat pingat emas, dua perak dan dua gangsa.

Sementara Universiti Malaysia (UM) pula berjaya mengutip dua pingat emas, satu pingat perak dan dua gangsa.

Saidin berkata, seramai empat atlet UiTM yang menyertai temasya ini akan menyertai Sukma di Kedah minggu depan.

"Mereka adalah Fauziah Daut

yang mewakili Sabah, Nini Farhana Talani (Terengganu), Ilie Rosli (Pahang) dan Ahmad Fahmi Ismail (Jurulatih taekwondo Kedah).

Saidin turut berkata, pasukannya menerima saingan sengit daripada beberapa buah universiti terutama Universiti Malaysia Sabah (UMS).